

Manifesto BN belum diumumkan tidak jejas jentera parti

13 NOV 1999

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Barisan Nasional (BN) telah sedia sepenuhnya bagi menghadapi pilihan raya umum ke-10 walaupun manifestonya masih belum diumumkan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Pengerusi BN itu berkata, beliau juga yakin ia tidak akan menjejaskan jentera parti atau mengurangkan sokongan rakyat kepada parti itu.

"Ini bukan perkara baru dalam BN, sudah sembilan kali (pilihan raya diadakan). Kita masih dapat sokongan dan jentera parti terus bergerak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan rumah pangsa kos rendah Sri Penara di Bandar Sri Permaisuri di sini, hari ini.

Beliau yang kini menjalankan tugas Timbalan Presiden UMNO menyatakan demikian ketika diminta mengulas dakwaan bahawa BN masih belum bersedia bagi menghadapi pilihan raya kali atas alasan kononnya belum *menyediakan manifesto*.

Kata beliau, BN juga tidak perlu terikut-ikut dengan pihak pembangkang yang awal-awal lagi telah mengemukakan manifesto mereka.

"Ini manifesto kita, suka hati kita bila kita nak umum. Ia tidak semestinya ikut orang lain,"

Menurut Abdullah, ia boleh diumumkan bila-bila masa, sama ada sebelum Parlimen dibubarkan, pada hari penamaan calon atau ketika tempoh berkempen.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas apabila ditanya apa manifesto BN dan bila akan dilancarkan.

Semalam Abdullah memberitahu, manifesto BN akan memberi tumpu-

an ke atas aspek perpaduan rakyat dan pembangunan negara.

Mengenai tempoh berkempen selama sembilan hari seperti yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini, Abdullah berkata, ia adalah mencukupi.

"Cukuplah tu... lama dulu dah kempen," katanya.

Mengenai spekulasi bahawa ramai pemimpin negeri akan bertanding di kerusi Parlimen Abdullah berkata: "Yang berbentuk spekulasi saya tidak boleh cakap."

Terpilih

Yang penting kata beliau, ialah mereka yang tidak terpilih sebagai calon atau diberhentikan perlu menyokong calon-calon yang dipilih.

"Dulu dia jadi calon orang lain bekerja untuk dia, sekarang orang lain jadi calon dan dia pula bekerja," katanya.

Perkara itu katanya, sudah dipersetujui sewaktu pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan semua Ketua Penerangan baru-baru ini.

Pada pertemuan itu kata Abdullah, semua sudah sepakat tidak akan menimbulkan masalah soal calon termasuk sekiranya ada kemungkinan calon diberhentikan.

Perkara itu juga katanya, merupakan perkara biasa dalam BN yang berlaku setiap kali ada pilihan raya.